

10/05/2003

Insentif pulihkan sektor terjejas jangkitan

KUALA LUMPUR: Pakej rangsangan fiskal, yang akan diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan ini, turut memberi insentif bagi menggalakkan sektor pelancongan yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kerajaan prihatin dengan masalah itu, yang menyebabkan beberapa sektor dalam industri berkenaan terpaksa mengurangkan pekerja.

Malah, minggu lalu, lebih 100 pekerja dari enam agensi pelancongan tempatan diberhentikan sementara berikutan penurunan kemasukan pelancong ke negara ini, katanya.

"Beberapa pengusaha hotel memaklumkan mereka belum mempunyai rancangan untuk memberhentikan kakitangan dan masih mampu bertahan sehingga Jun ini.

"Ketika ini, mereka terpaksa melaksanakan waktu kerja yang fleksibel dan memberi cuti tanpa gaji kepada pekerja," katanya selepas majlis penyampaian sijil penghargaan dan latihan kakitangan Texas Instruments Malaysia di sini, semalam.